

60

NO. SOALAN: 28

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR
BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]**

TARIKH : 21 MAC 2018 (RABU)

Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan aplikasi-aplikasi yang telah dibangunkan oleh Kementerian bagi memudahkan para pengguna pada ketika ini serta sejauh mana promosi dilakukan oleh Kementerian terhadap aplikasi seperti 'price catcher' kerana rata-rata masyarakat tidak mengetahui akan kewujudan aplikasi tersebut terutamanya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-pertua,

Kementerian telah membangunkan beberapa aplikasi seperti Ez Adu, Friends of KPDNKK (FOK) dan yang terkini Price Catcher yang memudahkan pengguna masa ini melalui capaian aplikasi tersebut.

Sehingga 24 Februari 2018, bilangan muat turun bagi aplikasi Price Catcher ialah sebanyak 20,848. Pada masa yang sama, KPDNKK telah melaksanakan promosi bagi Price Catcher melalui media sosial, media elektronik dan program turun padang Kementerian. Selain itu, untuk aplikasi price catcher, pertandingan juga diadakan di media sosial bagi menarik minat pengguna untuk memuat turun aplikasi ini.